

15 JUL 2003

Kemahiran-Latihan/I

LAHIRKAN SISWAZAH YANG TIDAK PERLU DILATIH SEMULA, KATA FRANCIS

KUCHING, 15 Julai (Bernama) -- Institusi latihan tempatan perlu menghasilkan lebih banyak siswazah yang boleh dipasarkan dan tidak memerlukan latihan semula apabila mereka memasuki pasaran kerja, kata Menteri Muda Pertanian Sarawak Francis Hollis Tini hari ini.

Beliau berkata data daripada Kementerian Sumber Manusia menunjukkan bahawa berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan untuk melatih semula 10,000 siswazah di seluruh negara yang menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan tahun lepas.

"Institusi berkenaan akan mengkhianati para pelajar terbabit sekiranya mereka melatih pelajar-pelajar itu tetapi tidak menyiapkan pelajar-pelajar mereka dengan sebaik-baiknya lalu gagal mendapatkan kerja setelah tamat pengajian," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Acer Sales and Services Sdn Bhd dengan Akademi ITC Sdn Bhd (AITC) di sini.

Menurut MOU itu, AITC, sebuah penyedia latihan di bawah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK), akan menyediakan para pelajar yang terpilih untuk mengikuti latihan amali selama sebulan dalam Teknologi Maklumat (IT) di Acer Sarawak, sebuah syarikat IT global.

Beliau berkata berdasarkan maklumat balas daripada majikan, antara masalah besar di kalangan siswazah tempatan iaitu kurang fasih dalam bahasa serta pengetahuan dalam kemahiran maklumat dan komunikasi.

Digabungkan dengan kemuraman iklim ekonomi global, siswazah yang tidak berpengalaman itu juga gagal menyesuaikan diri sebagai sebuah pasukan, kata beliau lagi.

Francis berkata 13 peratus daripada 31,000 siswazah menganggur antara Julai 1997 dan Jun tahun lepas, gagal mendapatkan pekerjaan meskipun mereka memiliki ijazah kelas pertama.

Oleh itu, katanya, ibu bapa terutama dari kawasan luar bandar seharusnya menggunakan peluang pendidikan yang ada dengan sebaik-baiknya, sebagai contoh dana dalam bentuk pinjaman kerajaan bagi mengikuti latihan kemahiran di institusi latihan yang diiktiraf oleh MLVK, termasuk AITC.

Kira-kira 35,000 pelatih dijangka mendapat manfaat daripada peruntukan mengikut pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mohamad Mahathir baru-baru ini, katanya.

Beliau berkata adalah mustahak bagi pelajar dan ibu bapa memanfaatkan sepenuhnya peruntukan itu yang terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang ingin mendapatkan kelulusan kemahiran yang diiktiraf tetapi kekurangan sumber kewangan.

-- BERNAMA

CJ ROS